

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BERTULIS

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID YUSOF RAWA
[PARIT BUNTAR]**

SOALAN : Dato' Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]
minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI**
ASAS TANI menyatakan adakah Kementerian melakanakan satu kajian saintifik tentang kesan racun terhadap beras yang dikeluarkan dalam negara memandangkan banyak jenis racun digunakan untuk tanaman padi. Adakah jaminan Kementerian tentang keselamatan makanan utama negara ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Pihak Kementerian sememangnya memandang serius isu keselamatan makanan di negara ini. Justeru itu, sesuatu racun perosak yang disyorkan pada tanaman makanan termasuk padi/beras oleh Lembaga Racun Makhluk Perosak mestilah terlebih dahulu melalui proses penilaian teknikal yang ketat terhadap kualiti bahan aktif racun perosak yang digunakan, keberkesanan terhadap perosak sasaran, kesan toksik kepada manusia, alam sekitar dan hidupan akuatik serta kesan residu racun perosak terhadap keselamatan makanan kepada manusia. Semua racun perosak ini akan didaftarkan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Salah satu usaha bagi memastikan racun perosak yang digunakan mematuhi prinsip-prinsip amalan pertanian baik, Jabatan Pertanian turut menjalankan program pemantauan residu racun perosak terhadap hasil tanaman termasuk pada tanaman padi. Berdasarkan kepada keputusan analisis residu racun perosak, data menunjukkan bahawa tanaman padi atau beras yang ditanam dan dihasilkan dalam negara tidak mempunyai masalah lebihan residu melebihi tahap yang dibenarkan oleh undang-undang. Oleh yang demikian, ianya adalah selamat untuk dimakan.

Selain daripada itu, pegawai penguatkuasa Jabatan Pertanian juga sentiasa menjalankan aktiviti penguatkuasaan Akta Racun Makhluuk Perosak 1974 bagi memastikan penggunaan racun perosak di ladang-ladang dan jelapang padi mematuhi kehendak undang-undang sedia ada.